

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG PARTI PROGRESIF PENDUDUK MALAYSIA
(PPP) KE-48

TEMPAT: DEWAN MERDEKA, PWTC, KUALA LUMPUR

TARIKH: 29 DEC 2001

MASA:

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih atas undangan yang dibuat oleh anggota jawatankuasa pusat Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) untuk saya merasmikan Perhimpunan Agung Parti PPP yang ke-48 pada hari ini. Kesudian Parti PPP menjemput saya ke acara ini setiap tahun amatlah saya hargai kerana ia merupakan satu pengiktirafan bahawa walaupun Barisan Nasional adalah Parti Campuran tetapi kita dapat bergerak seolah-olah kita adalah satu parti.

2. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Presiden Parti PPP, YB Datuk M Kayveas, kerana kejayaannya terus menerajui parti PPP dengan baik. Saya dapati Parti PPP semakin maju dan mendapat sokongan pelbagai lapisan rakyat. Aktiviti-aktiviti yang dijalankannya turut mendapat sambutan yang menggalakkan dan ini adalah satu petanda baik kepada Barisan Nasional.

3. Saya tidak lupa juga untuk mengucapkan tahniah kepada semua para pemimpin PPP di segenap peringkat serta semua anggota Parti PPP di seluruh negara kerana berjaya menonjol parti tuan-tuan dan puan-puan sebagai sebuah parti yang kuat perpaduannya dan berkesan. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan akan terus memberikan sokongan padu kepada barisan kepimpinan parti dan rebutan jawatan tidak akan memecah belah dan melemahkan parti. Kekuatan parti tuan-tuan dan puan-puan sudah tentu akan mengukuhkan lagi kedudukan Barisan Nasional. Sebagai salah sebuah anggota parti komponen, sumbangan Parti PPP tetap besar dan bermakna kepada Barisan Nasional.

4. Umat Islam di negara kita baru sahaja menyambut Hari Raya Aidilfitri dan penganut agama Kristian pula baru menyambut Hari Krismas. Kita masih lagi menyambut perayaan masing-masing dalam keadaan gembira dan penuh keriangian. Oleh itu, masih tidak lewat bagi saya dan bagi pihak isteri saya dan keluarga untuk mengucapkan Selamat Hari Raya dan Hari Krismas kepada para anggota Parti PPP yang menyambutnya.

5. BN adalah parti yang unik dalam dunia. Walaupun ia mempunyai 14 buah parti, kecil dan besar, tetapi BN

dapat bergerak seolah-olah ia adalah satu parti dan bukan sebagai parti campuran. Ramai pelawat asing hairan dan bertanya bagaimana kita dapat elak daripada perpecahan seperti yang sering berlaku dalam parti-parti campuran lain.

6. Sebenarnya parti campuran yang mempunyai banyak parti komponen adalah lebih teguh daripada parti campuran yang dianggotai oleh 2 atau 3 buah parti. Dalam parti campuran 2 atau 3 buah parti, penarikan diri satu buah sudah mencukupi untuk menghilangkan majoriti dan menjatuhkan Kerajaan. Justeru itu parti komponen yang kecil sering mengugut untuk mendapat kedudukan istimewa dalam Kerajaan. Jika tidak dilayan maka parti berkenaan akan menarik diri, menjatuhkan Kerajaan dan mencuba mendirikan parti campuran dengan parti lawan untuk membentuk Kerajaan baru.

7. Dalam parti BN jika mana-mana parti menarik diri, BN tidak semestinya kehilangan majoriti. Ia akan terus menjadi Kerajaan dan parti yang menarik diri akan menjadi parti pembangkang dan tidak berkuasa. Jika UMNO cuba menarik diri, UMNO juga tidak mungkin berdiri Kerajaan kerana bilangan kerusi UMNO tidak mencukupi. Dengan itu parti komponen jarang mengugut untuk tarik diri kerana majoriti BN cukup besar dan tidak takut kehilangan kuasa jika ada mana-mana parti menarik diri. Namun keanggotaan berbagai-bagai parti yang mewakili pelbagai kaum dan kepentingan menjamin bahawa semua kaum mendapat layanan yang saksama dalam BN. Inilah rahsia BN, rahsia kekuatan BN yang menyebabkan ramai ingin menyertainya dan parti-parti lawan ingin menirunya.

8. Percubaan untuk berdiri barisan tiruan sudah dibuat dua kali. Yang pertama telah gagal dan kita sedang melihat percubaan yang kedua juga sedang berpecah. Kita lihat bagaimana PAS menipu DAP, Keadilan dan Parti Sosialis. Keadilan mempunyai isu yang menarik dan isu ini diguna oleh PAS untuk menjayakan calon-calonnya. DAP rugi besar kerana persahabatan dengan PAS menghakiskan sokongan pengundi Cina kepadanya. Demikianlah kesan buruk kepada DAP sehingga jaguh-jaguh DAP yang tidak pernah kalah, telah kalah dalam pilihanraya 1999. Sekarang DAP bukan lagi ketua pembangkang.

9. Oleh kerana itu DAP cuba memisahkan diri daripada PAS tetapi agak terlalu lewat. Percubaan untuk bekerjasama dengan Keadilan sahaja tidak akan dapat membersihkan DAP daripada cemaran PAS.

10. Parti-parti lawan perlu membuat pendirian yang jelas supaya rakyat dapat mengetahui siapa mereka. Saya ucap tahniah kepada Keadilan yang mendakwa ia bukan parti Melayu. Ini tentu menguntungkan Keadilan

kerana tidak bertanggungjawab mempertahankan beberapa peruntukan dalam Perlembagaan yang melindungi hak orang Melayu. UMNO tidak perlu kepada sokongan oportunistik untuk mempertahankan hak orang Melayu.

11. PAS masih mendakwa bahawa matlamatnya ialah untuk mendirikan negara Islam. Oleh kerana Malaysia sudah merupakan negara Islam apakah yang berlainan di antara negara Islam Pas dengan negara Islam Malaysia yang sedia ada? PAS perlu terangkan. Mendakwa akan menjelaskan bentuk negara Islam PAS selepas PAS memenangi pilihanraya bermakna PAS ingin menipu pengundi, memerangkap mereka dengan bayangan kosong.

12. Sesungguhnya jika tidak ada angkara ciptaan parti lawan, Malaysia akan menjadi aman dan bahagia dan tumpuan boleh diberi sepenuhnya kepada pembangunan negara dan perimbangan pembangunan antara kaum. Kita bukan tidak mahu ada pembangkang. Mereka penting untuk menegur Kerajaan apabila Kerajaan terlalu "confident" dan membuat perkara-perkara yang salah. Tetapi pembangkang di Malaysia tidak menegur, hanya melempar fitnah dan menyemai kebencian yang tidak berasas terhadap pemimpin dan parti Kerajaan.

13. Malaysia adalah negara demokratik. Sejak merdeka kita telah ada pilihanraya 10 kali. Tiap kali ramai calon parti lawan yang menang, bahkan mereka dapat mendirikan Kerajaan-Kerajaan Negeri. Keadaan di Malaysia tidaklah seperti negara lain, di mana calon parti lawan yang menang tidak di benar mengambil tempat dalam Parlimen dan kerap diheret ke mahkamah.

14. Sebenarnya sistem demokrasi tidak mudah diamal. Di negara maju ada yang mendirikan 50 Kerajaan dalam 55 tahun dan ada yang menukar Perdana Menteri dua tahun sekali. Pentadbiran dan pembangunan negara tertinggal di tangan kakitangan awam.

15. Biasanya negara maju mempunyai hanya dua tiga parti sahaja dan tidak terdapat banyak perbezaan antara mereka. Bagi rakyat siapa menang tidak mempunyai apa-apa makna. Di negara membangun berpuluh parti ditubuhkan untuk bertanding dan kerap kali tidak ada parti yang mendapat majoriti. Dengan itu Kerajaan campuran yang di tubuh tidak berwibawa. Akibatnya dasar yang jelas tidak dapat diadakan dan pentadbiran serta pembangunan menjadi kucar-kacir.

16. Di Malaysia kita berjaya memberi peranan kepada semua parti kecil dan besar melalui parti Perikatan dan kemudian Barisan Nasional. Rakyat pula memilih parti campuran ini sejak kita merdeka. Dan ini membolehkan dasar dan perancangan di buat untuk jangka masa yang panjang, dari 5 tahun hingga 30 tahun. Hasilnya ialah pembangunan Malaysia dapat dibuat secara berterusan. Kita dapat lihat sesuatu dasar atau rancangan dilaksana

kan dan kita akan tahu sama ada dasar dan rancangan ini baik atau tidak. Jika Kerajaan ditukar tiap pilihanraya, Kerajaan baru tetap akan mengeneppikan rancangan Kerajaan sebelumnya dan cuba merancang dan melaksanakan rancangannya sendiri. Belum pun terlaksana sepenuhnya rancangan ini Kerajaan diganti dan rancangan baru pula dibentuk. Tidak akan ada rancangan yang dapat di laksana sehingga berhasil.

17. Di Malaysia berkat mandat yang panjang yang diberi kepada Perikatan dan BN hari ini kita dapat lihat hasil dasar dan perancangan Kerajaan BN. Diwaktu kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 pendapatan per kapita hanyalah 300 dolar Amerika. Hari ini ia menjadi hampir 4000 dolar Amerika. Oleh kerana kita kawal kos sara hidup 4000 dolar ini, dari segi daya beli atau "purchasing power" adalah sama dengan 10,000 dolar Amerika di Amerika. Strategi kita ialah mengawal kos sara hidup supaya upah yang rendah tidak bermakna kualiti hidup juga rendah. Sebaliknya upah kerja yang rendah menjadikan barangan kita kompetitif dan menarik bagi para pelabur asing.

18. Kos pembangunan kita juga rendah. Sebab itu Malaysia mampu mengadakan kemudahan-kemudahan seperti lebuh raya bertaraf antarabangsa, keretapi eletrik, kemudahan rel transit ringan, bekalan air dan api, lapangan terbang yang canggih dan pelabuhan yang antara 10 terbesar di dunia.

19. Malaysia dahulu tidak dikenali oleh sesiapa. Tetapi sekarang dunia kenal Malaysia, bahkan kenal Langkawi sebagai pusat pelancongan di mana Langkawi International Maritime dan Airshow diadakan dan Langkawi International Dialogue dihadiri oleh ketua-ketua negara. Langkawi sekarang hampir sama dengan Bali atau Phuket walaupun 10 tahun dahulu tidak ada siapa yang biasa dengar berkenaan Langkawi.

20. Kuala Lumpur sekarang adalah setaraf ibukota metropolitan negara maju dengan penduduk seramai hampir 2 juta, lengkap dengan semua kemudahan, hotel lima bintang, kompleks membeli-belah dengan butik jenama terkenal di dunia. Oleh kerana kesesakan di Kuala Lumpur, Kerajaan telah membangunkan Putrajaya sebagai ibu kota pentadbiran diiringi oleh Cyberjaya, pusat IT yang membawa kita masuk ke era maklumat.

21. Selain daripada pinjaman mudah dari Jepun, semua pembangunan di Malaysia dibiayai dari punca dalaman. Kita tidak hutang dari luar dan kebijaksanaan ini menjadi nyata apabila penyangak matawang menurunkan nilai ringgit kita. Kita tidak perlu cari ringgit yang lebih banyak untuk membayar hutang dalam matawang asing. Dengan itu kita dapat pulihkan kewangan dan ekonomi negara kita dengan cara kita sendiri dan mengguna punca wang dalam negara.

22. Hanya orang yang buta akal sahaja yang masih berkata kita membazir wang. Sebenarnya kita mempunyai kewangan yang kemas, sebab itu di waktu dunia dan jiran-jiran kita menghadapi masalah kerana kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat dan peristiwa 11 September, kita mampu menambah perbelanjaan pembangunan, membayar bonus dan menaikkan gaji. Tidak mungkin kita berbuat demikian jika kita boros dan menghabiskan duit rakyat dengan sia-sia.

23. Ringgit kita yang ditetapkan nilainya sebanyak RM 3.80 pada 1 dollar Amerika, kekal dengan nilai ini. Tidak ada pasaran gelap ringgit dan percubaan oleh orang asing untuk menekan turun nilai ringgit tidak berjaya sedikitpun.

24. Namun usaha untuk merosakkan ekonomi Malaysia di teruskan. Berita bahawa rusuhan kaum akan berlaku, Malaysia sebagai negara Islam adalah merbahaya kepada pelancong dan pelabur asing, Kerajaan akan jatuh dan bermacam lagi laporan yang tidak berasas sama sekali disebarkan.

25. Berikutan peristiwa 11 September berita disebar bahawa surat yang diisi dengan kuman anthrax telah dihantar ke Amerika oleh Malaysia. Walaupun akhirnya disahkan oleh pemerintah Amerika sendiri bahawa berita ini tidak benar, tetapi majalah-majalah Barat terus menyebut tentang sebaran anthrax oleh Malaysia. Apabila sahaja Malaysia disebut oleh media Barat, disebut juga tentang kononnya Kerajaan Malaysia menguasai semua akhbar di Malaysia yang hanya menyiar berita pro-Kerajaan. Bahawa International Herald Tribune dan Asian Wall Street Journal dicetak dan diedar dari Malaysia dan dijual kepada rakyat Malaysia dan di negara-negara Timur dan akhbar-akhbar ini sering memburuk-burukkan Malaysia, menyebarkan fitnah terhadap Malaysia tidak juga menghentikan tuduhan bahawa Kerajaan Malaysia menguasai semua berita dan akhbar Malaysia.

26. Hari ini negara-negara Barat menapis berita yang disiarkan oleh media Barat. Tidak pula ada kecaman terhadap Kerajaan-Kerajaan Barat kerana menapis dan menghalang kebebasan media Barat.

27. Sementara itu usaha diteruskan untuk meroboh sempadan negara-negara untuk menjayakan globalisasi - dunia tanpa sempadan. Kebebasan dunia tanpa sempadan ini hanyalah untuk modal. Sebaliknya jika pelarian dari negara miskin cuba untuk memasuki negara-negara yang kononnya percaya sempadan menyekat kemajuan negara, tindakan diambil dengan kejam untuk menentukan walaupun sempadan sudah tidak ada, melintasnya masih tidak di benar. Dan ramailah yang tenggelam di laut apabila bot-bot buruk mereka ditolak keluar.

28. Sesungguhnya abad ke-21 alaf ketiga ini memperlihatkan lebih banyak ketidakadilan dan kebengisan mereka yang kaya dan kuat daripada sebelumnya. Tidak ada gunanya kita menjerit "foul" kerana tidak ada siapa yang akan dengar kita, yang akan menolong kita. Sejak zaman batu "might is right" dan hari ini pun "might is still right". Jika kita ingin menyelamatkan diri kita, kitalah yang perlu berusaha.

29. Kita telah bina sistem pemerintahan dan pentadbiran yang cukup baik. Kelebihan Barat ialah sistem atau method mereka. Kita sudah belajar pendekatan Barat ini dan kita telah baiki lagi sistem ini supaya sesuai dengan keperluan kita. Sistem tidak akan menghasilkan kejayaan jika kita tidak memiliki disiplin dalam pengamalannya.

30. Kita telah cipta kerjasama antara kaum yang unik. Apa juga cabaran yang kita hadapi pegangan kita kepada sistem berkongsi kuasa antara kaum, antara parti perlu dikekalkan. Tiap seorang daripada kita mesti sanggup mengorbankan kepentingan tertentu kita supaya kepentingan bersama dapat dicapai.

31. Tiap parti komponen mesti sedar akan hakikat ini. Janganlah sesiapa mengutamakan diri sehingga perpaduan parti menjadi retak. Jika kita kalah kita mesti sanggup undur diri "gracefully". Kekecewaan kita tidak sepenting kejayaan parti.

32. Walaupun BN adalah parti campuran tetapi kita berfungsi sebagai "unitary parti". Kita tidak mencabar sesama kita. Walaupun tidak mendapat apa yang kita tuntutan, kita tidak boleh kecewa dengan mengancam kestabilan dan perpaduan dalam parti dan antara parti.

33. Yang keduanya, sistem pentadbiran oleh pentadbir yang profesional. Pentabdir menjalankan sahaja dasar dan pendekatan parti yang mendapat mandat memerintah. Mungkin pentadbir kurang senang dengan dasar dan pendekatan parti pemerintah, tetapi pendirian atau pegangan pentadbir tidak boleh mempengaruhi urusannya. Mungkin pentadbir memberi pandangan atau nasihat kepada pemimpin parti pemerintah tetapi samada diterima atau tidak tugas pentadbir adalah melaksanakan dasar dan arahan parti pemerintah yang dipilih.

34. Antara eksekutif parti pemerintah dengan pegawai tertinggi pentadbiran hubungan yang unik dan sensitif diperlukan. Tanpa menyentuh bidang kuasa masing-masing pentadbiran yang mencerminkan falsafah parti pemerintah perlu diwujudkan. Dengan hubungan ini maka sebuah Kerajaan yang berkesan dan berwibawa dapat diadakan.

35. "Mutual respect" mesti wujud diantara parti pemerintah dengan jentera pentadbiran.

36. Pemerintahan Malaysia belum cukup sempurna. Banyak lagi yang perlu dibuat untuk menjamin pemerintahan ini akan kekal dan berkesan walau siapa pun yang diberi mandat memerintah. Tetapi hakikatnya ialah, walaupun pemerintahan belum cukup sempurna, Malaysia dapat dibangun dengan sistem ini. Dari sebuah negara dengan penduduk seramai 5 juta dan ekonomi yang bergantung hanya kepada getah dan bijih timah, kita telah dapat mendirikan jentera pentadbiran bagi sebuah negara industri yang canggih yang dapat berlumba dengan negara-negara maju.

37. Oleh itu kita daripada parti-parti komponen Kerajaan campuran hendaklah pelihara sistem pentadbiran yang telah kita bentuk bersama. Janganlah sesiapa membuat sesuatu yang boleh merosakkan jentera ini. Janganlah kita menjadi angkuh kerana kejayaan kita dan kita "take things for granted".

38. PPP sebagai satu daripada parti komponen BN mempunyai tanggungjawab yang besar bukan semata-mata kepada parti PPP, bukan sahaja kepada BN, tetapi kepada pengekaln kesejahteraan negara Malaysia dan penduduknya.

39. Malaysia adalah negara kita bersama. Di sini kita dilahir, di sini kita membesar, bekerja dan bermain, dan di sini juga kita akan menghembus nafas terakhir kita. Oleh itu berjaga-jagalah dan berusaha untuk memajukan lagi tanahair tercinta ini.

40. Sekarang dengan segala sukacitanya saya rasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia yang ke-48 dan saya berharap kekukuhan parti PPP akan menyumbang kepada pembangunan negara tercinta ini.